ڤتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"OLEH itu, peliharalah sembahyang itu. Cara yang paling utama memelihara sembahyang, ialah melakukannya dengan konsisten pada awal waktunya. Di samping itu, adalah juga menjadi perkara asasi, ialah melakukan ibadat ini dengan betul, dengan menjaga segala rukun dan 'kaifiat'nya (cara-caranya). Jika ini dapat dipenuhi dengan baik, maka barulah sembahyang itu dapat dianggap sempurna. Jika tidak, maka selama itulah kita tetap dituntut untuk memperbaikinya."
- Titah Sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pelita BRUNEI ڤليتا بروني

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

مانيس ايمان

MANISNYA IMAN

"KEMUDIAN mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu dengan melakukan maksiat, maka mereka akan menghadapi azab dalam neraka."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Mariam, ayat 59).

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.35 | 4.45 | 6.07 | 6.30 | 12.18 | 3.38 | 6.27 | 7.39 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 61 / BILANGAN 57 | 11 MEI 2016 / 1437 شعبان 4 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


# Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap qari dan qariah negara, Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki dan Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli yang berjaya mendapat tempat kedua dan ketiga pada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-58 di Kuala Lumpur, Malaysia.

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap qari dan qariah negara, Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki dan Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli yang berjaya mendapat tempat kedua dan ketiga di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Kali Ke-58 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Turut hadir pada Majlis Mengadap ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda bin Haji A. Rashid; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yusof; jurulatih qari dan qariah Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Haji Yusop bin Bakar dan Dayang Hajah Aminah binti Haji Abdul Manaf.

Majlis Mengadap tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman.

# Berkenan menghantar titah perutusan tahniah







KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan juga kepada Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Tan Sri (Dr.) Datuk Patinggi Haji Adenan Haji Satem berikutan dengan kemenangan besar Parti Barisan Nasional dalam Pilihanraya Negeri Sarawak Ke-11 dan juga pelantikan semula Yang Amat Berhormat Tan Sri (Dr.) Datuk Patinggi Haji Adenan Haji Satem sebagai Ketua Menteri Sarawak.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dan juga kepada Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Tan Sri (Dr.) Datuk Patinggi Haji Adenan Haji Satem berikutan dengan kemenangan besar Parti Barisan Nasional dalam Pilihanraya Negeri Sarawak Ke-11 dan juga pelantikan semula Yang Amat Berhormat Tan Sri (Dr.) Datuk Patinggi Haji Adenan Haji Satem sebagai Ketua Menteri Sarawak.

**Ke muka 3**

# SICON5 bantu perkembangan positif pengajian Islam

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TUNGKU**, Isnin, 9 Mei. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman berkata, tema Persidangan Antarabangsa Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien Ke-5 (SICON5) 'Inovasi dan Keusahawanan dalam Pengajian Islam Kontemporari : Kemungkinan berdasarkan idea-idea tradisional Ijtihad, Tajdid, Islah dan Bid'ah' dapat membantu meningkatkan usaha untuk membawa perubahan positif dalam perkembangan pengajian Islam.

Berucap demikian pada SICON5 yang berlangsung di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Bilik Teater 2, UBD.

Yang Berhormat menjelaskan, sudah tentu, perkembangan positif ini akan membantu untuk memperluaskan bidang pengajian Islam yang memberikan manfaat.

**Ke muka 5**



**Muka 8**

HADAPI cabaran dengan perpaduan


E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn | Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217 | Faksimile: 2381004 | Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn

# Pertandingan Anugerah CIPTA : Suntik semangat pencipta untuk bersaing

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh**

TERLEBIH dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penganjur kerana telah menjemput saya untuk merasmikan Majlis Pelancaran Pertandingan 'Creative, Innovative Product and Technological Advancement' Duli Pengiran Muda Mahkota 2017 atau ringkasnya Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2017. Saya difahamkan bahawa pertandingan ini diadakan dua tahun sekali sejak ditubuhkan pada tahun 2005 dan ini adalah pertandingan kali yang ke-7.

Pada tahun ini, tema pertandingan adalah 'Innovation for Sustainable Economy' atau Inovasi untuk Ekonomi yang Mampan. Tema ini sejajar dengan objektif utama Pertandingan CIPTA yang bertujuan mendukung hasrat Wawasan Negara 2035 dan Rancangan Kemajuan Negera Ke-10 (2012 - 2017) untuk memajukan negara dengan budaya berilmu dan berinovasi, meningkatkan produktiviti dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi.

Ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-12 Majlis Mesyuarat Negara 2016 mengenai pengurangan kebergantungan kepada sumber Minyak dan Gas, bagaimana negara dapat menjana pendapatan dan bagaimana kita semua boleh menyumbang dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat.

Dari itu, tema ini adalah tepat dengan keadaan ekonomi negara pada masa ini. Kita semua menyedari bahawa aktiviti inovasi boleh membantu negara ke arah pertumbuhan ekonomi, ini adalah terbukti dari negara-negara yang mempunyai persekitaran kondusif untuk menjana aktiviti-aktiviti inovasi yang menyeluruh seperti paten, keupayaan pengeluaran (*manufacturing capability*), penyelidikan dan perkembangan.

Melihat kepada masa depan sains, teknologi dan masyarakat di Negara Brunei Darussalam, pertandingan ini mempunyai potensi tinggi untuk mengembangmajukan ekonomi negara. Seperti pertandingan-pertandingan inovasi antarabangsa yang lain, anugerah ini bercita-cita untuk mewujudkan kreativiti dan pencipta berinovatif, yang membawa kepada 'Economic Spin Off' melalui pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Saya difahamkan bahawa kelainan pertandingan pada tahun ini adalah pemberian wang sebagai insentif atau penggalak kepada pencipta negara untuk memajukan produk mereka melalui pendaftaran paten, di dalam atau di luar negara.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap pada Majlis Pelancaran Pertandingan Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2017 Kali Ke-7 pada hari Sabtu, 22 Rejab 1437 Hijrah bersamaan 30 April 2016 Masihi di Dewan Kuliah 2, Fasa 3, Universiti Teknologi Brunei.

Saya mengalu-alukan langkah ini, pertandingan tidak perlu berhenti selepas Majlis Penganugerahan Pemenang, malah ia perlu dilihat sebagai pencetus kepada peningkatan produktiviti negara melalui pendaftaran paten untuk hak perlindungan, seterusnya perolehan paten, rekaan prototaip dan komersialan.

Menyedari produk rekaan dari pertandingan ini berpotensi untuk menyumbang kepada teknologi baharu, inovatif dan terkini, kita perlu mengambil langkah *follow-up* seperti mengadakan kursus singkat selepas pertandingan agar mereka tidak terbiar begitu sahaja. Dengan cara ia boleh menjadi pemangkin untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif yang akhirnya akan membawa kepada lebih banyak ciptaan dan inovasi dan boleh meningkatkan kemungkinan kejayaan pengkomersialan.

Di samping agensi-agensi lain yang berkepentingan, UTB boleh memainkan peranan utama dalam membantu hala tuju dan memberi kefahaman kepada potensi produk yang mereka cipta. Lebih-lebih lagi dengan adanya Pusat-pusat Penyelidikan dan Unit Pembangunan Produk dan Pembuatan (Product Development and Manufacturing Unit) di UTB akan dapat memberi sokongan padu dan kerjasama kepada pencipta.

Saya merasakan impak pertandingan kepada Kementerian Pendidikan adalah penting dan bermakna. Pertandingan Kategori 'Smart Junior' yang dikenalkan pada tahun 2015 dan dibukakan kepada penuntut-penuntut dari sekolah menengah bawah (Tahun 7 - 9) adalah diharapkan dapat memupuk kepada fikiran inovatif di kalangan penuntut seawal umur 12 tahun lagi.

Manakala kategori-kategori lain yang dibukakan kepada Tahun 10 hingga 13 dan institusi pengajian tinggi dalam negara bukan sahaja memberi laluan kepada pencipta baharu tetapi juga yang sudah berkecimpung sejak zaman di sekolah menengah lagi.

Kategori ASEAN pula yang diperkenalkan pada tahun yang sama adalah berperanan sebagai penyuntik semangat kepada pencipta tempatan untuk bersaing dan sekali gus, bertindak sebagai penanda aras kepada kualiti ciptaan di kalangan negara-negara serantau. Ini terbukti, selepas 10 tahun penganjuran CIPTA, kemenangan piala Pengiran Muda Mahkota (Grand Prize) buat julung-julung kalinya dimenangi oleh peserta ASEAN. Realitinya, rekaan pencipta dari negara kita masih belum mencapai tahap tinggi seperti rekaan pencipta dari ASEAN. Kategori ASEAN ini juga dihasratkan untuk menjadi pelantar kepada peserta-peserta bertukar pendapat, berinteraksi dan mewujudkan peluang ramgkaian bersama di bawah satu bumbung pertandingan.

Alhamdulillah, setelah 10 tahun penubuhannya, Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota adalah semakin matang dan mantap dengan proses penghakiman yang cekap dan penyertaan yang berkualiti. Walaupun amat sukar untuk meramalkan mana-mana ciptaan, inovasi, produk dan teknologi yang akan membawa kepada kejayaan komersial di masa akan datang. Pelaburan fizikal dan kewangan dan juga risiko yang kita ambil akhirnya akan memberi manfaat kepada negara dan diharapkan membawa kepada kejayaan pertumbuhan ekonomi, insyaAllah.

Kesimpulannya, saya yakin bahawa dengan *track* rekod sebelumnya, Pertandingan Anugerah CIPTA 2017 akan berjaya menarik sejumlah besar peserta yang berkualiti. Saya juga berharap penyertaan Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2017 akan membawa kepada kejayaan komersial kepada ciptaan, inovasi dan produk peserta.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penganjur kerana memberi penghormatan bagi saya untuk melancarkan Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2017 Kali Ke-7.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim* selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya sukacita melancarkan Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2017.

Sekian. Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarkatuh.

## Dari Sidang Pengarang.

11 MEI 2016 BERSAMAAN 1437 شعبان 4

### QARI, QARIAH MEMBANGGAKAN NEGARA

**KEPULANGAN** peserta qari dan qariah negara, iaitu Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki dan Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli masing-masing berjaya mendapat tempat kedua dan ketiga pada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-58 di Kuala Lumpur, Malaysia disambut dengan penuh kesyukuran dan meriah di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada Ahad, 8 Mei lepas. Kemenangan qari dan qariah itu bukan sahaja mengembirakan masyarakat Islam di negara ini tetapi juga membanggakan negara kerana berjasa mengharumkan dan meningkatkan imej serta nama Negara Brunei Darussalam di arena antarabangsa khususnya dalam bidang Al-Quran.

Kegembiraan tersebut dikongsi sama oleh raja yang kita kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan berkenan menerima mengadap qari dan qariah negara tersebut pada hari Isnin, 9 Mei 2016 di Istana Nurul Iman.

Kejayaan qari dan qariah kita di arena antarabangsa memang tidak dinafikan sejak Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur dianjurkan. Di mana kejayaan yang paling besar yang pernah ditempah oleh negara ialah bilamana qari negara Awang Haji Mas'ud bin Haji Awang Damit muncul juara pada tilawah itu sekitar tahun 70-an dan ramai lagi qari dan qariah negara yang menempah nama dan seterusnya mengharumkan nama negara seperti qariah Dayang Hajah Masni binti Haji Munaf; qari Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar, qariah Hajah Aminah binti Haji Munaf; qariah Dayang Hajah Maidah binti Haji Abd. Rahman; qariah Dayang Nurfaezah binti Haji Emran dan ramai lagi termasuk qari Awang Muhammad bin Ali yang telah berjaya menjulang kejayaan cemerlang dan seterusnya mengharumkan nama negara di persada antarabangsa setelah menjuarai Pertandingan Tilawah Al-Quran Antarabangsa Ke-15 di Moscow, Rusia pada tahun 2014.

Pelbagai cabaran sudah setentunya dialami oleh para qari dan qariah kita, terutama sekali dari segi bersaing dengan peserta-peserta dari negara-negara lain yang mempunyai kelebihan masing-masing. Selain membuat persediaan sebelum tilawah ialah untuk menjaga kesihatan dari segi pemakanan terutama sekali bagi penjagaan suara.

Kejayaan-kejayaan qari dan qariah kita di arena antarabangsa ini adalah berkat pimpinan raja yang berdaulat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang benar-benar memuliakan Al-Quran. Iaitu dengan menggalakkan semua umat Islam di negara ini, memuliakan Al-Quran dengan cara mempelajari dan membacanya. Di mana atas galakan itu, dari dahulu sampai sekarang, negara kita tidak pernah mengabaikan Al-Quran. Malah telah mempelajarinya dan ia adalah merupakan budaya turun-temurun.

Alhamdulillah, di negara kita, jalan untuk mendekatkan diri kepada Al-Quran adalah terbuka luas. Ia wujud melalui institusi pendidikan, masjid dan balai ibadah, serta juga tidak ketinggalan pejabat-pejabat dan rumah-rumah persendirian. Ini kerana Al-Quran adalah wahyu Allah yang mengandungi pelbagai pengajaran dan ilmu. Selain itu, Majlis Qura yang pernah diperkenalkan satu ketika dahulu juga sebagai cara untuk meningkatkan mutu bacaan para qari dan qariah negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri pernah menasihatkan supaya Al-Quran dibaca oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, sebelum lagi mereka itu memulakan sebarang tugas atau pekerjaan untuk mendapatkan keberkatan. Selain itu, baginda juga menggalakkan agar setiap individu Muslim pandai membaca Al-Quran, membiasakan diri membaca Al-Quran pada setiap hari, supaya Al-Quran itu benar-benar bertakhta di hati sanubari kita.

Apa yang lebih membanggakan kita, pembacaan qari dan qariah negara kita menunjukkan satu peningkatan yang sangat menggalakkan. Dan kini telah ramai kalangan pembaca-pembaca Al-Quran telah muncul dalam kalangan belia-belia terutama sekali melalui skim yang dibuat oleh Jabatan Pengajian Islam, iaitu Skim Tilawah Al-Quran Remaja. Dan apa yang penting umat Islam di negara ini, khususnya para belia agar jangan pernah berhenti untuk mendalami ilmu Al-Quran khususnya taranum dan terus mendalami ilmu Al-Quran sampai bila-bila.

Dengan kejayaan para qari dan qariah negara kita di arena antarabangsa ini akan terus mendorong dan menjadi galakan anak-anak muda khususnya para belia untuk terus mempelajari dan membaca Al-Quran dan mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjadikan Negara Brunei sebagai sebuah Negara Zikir dan mencapai Wawasan Negara 2035.

Sekalung tahniah juga diucapkan kepada qari dan qariah negara yang mengharumkan nama negara dan dapat memartabatkan Al-Quran ke tahap yang paling tinggi semata-mata kerana Allah Ta'ala dan sebagai dakwah. TAHNIAH !!! **- Ketua Penyuntingan (Zs).**

### Ramalan Cuaca Tiga Hari

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 32° C / 26° C | 32° C / 26° C | 32° C / 26° C |
| MUARA | 33° C / 26° C | 32° C / 27° C | 33° C / 27° C |
| PEKAN BANGAR | 32° C / 25° C | 32° C / 25° C | 32° C / 25° C |
| PEKAN TUTONG | 33° C / 26° C | 32° C / 26° C | 32° C / 26° C |
| PEKAN SERIA | 33° C / 26° C | 32° C / 26° C | 33° C / 26° C |
| KUALA BELAIT | 33° C / 26° C | 32° C / 26° C | 33° C / 26° C |

Wallahualam Bissawab

Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
Telefon: 2345567 Talian Cuaca: 114

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi MEI | HARI | Hijrah SYAABAN | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 11 | RABU | 4 | 4.35 | 4.45 | 6.07 | 6.30 | 12.18 | 3.38 | 6.27 | 7.39 |
| 12 | KHAMIS | 5 | 4.35 | 4.45 | 6.07 | 6.30 | 12.18 | 3.39 | 6.27 | 7.40 |
| 13 | JUMAAT | 6 | 4.35 | 4.45 | 6.07 | 6.30 | 12.18 | 3.39 | 6.27 | 7.40 |
| 14 | SABTU | 7 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.39 | 6.27 | 7.40 |
| 15 | AHAD | 8 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.39 | 6.27 | 7.40 |
| 16 | ISNIN | 9 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |
| 17 | SELASA | 10 | 4.34 | 4.44 | 6.06 | 6.30 | 12.18 | 3.40 | 6.27 | 7.41 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN: AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Berkenan menghantar titah perutusan tahniah

Dari muka 1

Dalam titah perutusan baginda kepada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, baginda percaya bahawa kemenangan besar Parti Barisan Nasional dalam Pilihanraya Negeri Sarawak Ke-11 melambangkan kepercayaan berterusan rakyat Sarawak terhadap teraju kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional di Negeri Sarawak.

Baginda seterusnya berharap hubungan erat yang wujud di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan terus berkembang dan terpelihara di tahun-tahun yang akan datang.

Sementara itu, dalam titah perutusan baginda kepada Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Tan Sri (Dr.) Datuk Patinggi Haji Adenan Haji Satem, baginda percaya bahawa pelantikan semula Yang Amat Berhormat Tan Sri sebagai Ketua Menteri Sarawak berikutan dengan kemenangan Parti Barisan Nasional dalam Pilihanraya Negeri Sarawak Ke-11 baru-baru ini, melambangkan kepercayaan berterusan rakyat Sarawak terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri dalam mentadbir Negeri Sarawak.

Baginda seterusnya yakin Negeri Sarawak akan terus maju dan menikmati pembangunan yang pesat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri, dan seterusnya berharap hubungan rapat dan persefahaman yang sentiasa terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sarawak akan terus berkembang lagi bagi kepentingan dan kebaikan bersama.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan tersebut, baginda berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Yang Amat Berhormat Dato Laila Utama Dato' Sri Mohd. Najib dan Yang Amat Berhormat Tan Sri (Dr.) Datuk Patinggi Haji Adenan serta keluarga masing-masing akan sentiasa berada dalam keadaan sihat sejahtera dan dalam pemeliharaan-Nya.

# 617 terima Pingat Kehormatan



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.**

**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Masri Osman, Azmah Haji Ahad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada 617 penerima terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan serta sektor swasta sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-68 Tahun.

Berangkat mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Istiadat Pengurniaan Pingat tersebut berlangsung di Balai Singgahsana Indera Kencana, Istana Nurul Iman, di sini.

Mendahului pengurniaan pingat-pingat ialah Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) dikurniakan dan diterima oleh 54 penerima.

Para penerima terdiri daripada 12 pegawai dan kakitangan Pasukan Simpanan Gurkha; dua pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kesihatan; enam pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pembangunan; lima pegawai dan kakitangan dari Kementerian Perhubungan; tiga pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama; tujuh pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; 11 pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan lapan pegawai dan kakitangan dari sektor swasta.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada para pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam.**

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan mengurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B), dikurniakan dan diterima oleh sejumlah 563 pegawai serta kakitangan kerajaan juga sektor swasta terdiri daripada 193 pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kesihatan; 104 pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pembangunan; 75 pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama; 158 pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta 33 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Ke muka 4





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Wakil Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada para penerima yang berlangsung di Istana Nurul Iman (kiri dan kanan).**

Dari muka 3

Bagi memberkati Istiadat Pengurniaan Pingat tersebut, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Juga hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-Manteri Pendalaman, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi, Duta-Duta Besar, Setiausaha-Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim serta ketua-ketua kampung.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengurniakan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada para pegawai dan kakitangan yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam dan swasta (kanan).**



**ANTARA pegawai-pegawai kerajaan yang menerima Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam.**



**ANTARA yang hadir pada Istiadat Pengurniaan Pingat tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan dan Pehin-Pehin Manteri.**

# SICON5 sebagai platform intelektual

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**TUNGKU,** Isnin, 9 Mei. – Persidangan Antarabangsa Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien Ke-5 (SICON5) berlangsung di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam (PAPRSB IH UBD), Bilik Teater 2, UBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan perasmian persidangan tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOASCIS), UBD, Profesor Datuk Dr. Osman Bakar dalam ucapan alu-aluannya pada majlis tersebut antara lain menjelaskan bahawa bagi mengekalkan pembangunan pengajian Islam di peringkat global dalam tempoh beberapa dekad yang lalu, SOASCIS UBD tidak ragu-ragu dalam segi kuantitatif program akademik di institusi pengajian tinggi yang berkaitan dengan satu atau lebih dalam aspek Islam dan budaya serta tamadun telah melihat peningkatan yang besar.


MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Persidangan Antarabangsa Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien Ke-5 (SICON5).

Walau bagaimanapun, tambahnya, dengan peningkatan dalam jumlah persaingan menjadikan pertandingan ini menjadi lebih mencabar kerana ia tidak dapat lari dikaitkan dengan persaingan untuk kedudukan akademik.

Oleh itu jelasnya, program pengajian Islam yang dibiayai kerajaan kini di bawah penelitian dalam memperbaiki Key Performance Indicator (KPI) masing-masing.

Seramai 17 penceramah antarabangsa dan tempatan serta para pembentang akan membentangkan kertas kerja dari pelbagai sub-tema yang diadakan selama tiga hari.

Sementara lebih 150 peserta terdiri dari ulama, ahli akademik, pegawai kanan kerajaan, ahli-ahli pertubuhan belia, pelajar dan orang awam di negara ini menghadiri persidangan yang membawa tema 'Inovasi dan Keusahawanan dalam Pengajian Islam Kontemporari : Kemungkinan berdasarkan idea-idea tradisional Ijtihad, Tajdid, Islah dan Bid'ah'.

Persidangan akan memfokuskan kepada inovatif dan pencapaian keusahawanan dalam pengajaran kontemporari Islam, dengan menyasarkan idea-idea baharu dan pandangan dalam memperbaiki cara memenuhi keperluan masyarakat kontemporari.

Persidangan ini adalah sebagai platform intelektual yang berkembang maju untuk menyediakan ruang bagi perbincangan yang bermakna dalam kalangan pakar tempatan dan antarabangsa dalam akademik, tetapi juga profesional dalam sektor awam dan swasta.

Tahun ini persidangan mengetengahkan barisan penceramah terkenal, iaitu Tan Sri Profesor Mohd Kamal dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Muzaffar Seker dari Universiti Necmettin Erbakan Konya (UNEK), Turkey dan Profesor Omar Kasule dari Institut Antarabangsa Islamic Thought (IIIT), Saudi Arabia dan lain-lain.

Matlamat SICON5 untuk mengkaji kepentingan Ijtihad, Tajdid, Islah dan Bid'ah, mengaplikasikan inovasi dan keusahawanan dalam pendidikan Islam di kedua-dua peringkat idea dan praktikal.

SICON5 juga menjadi platform ilmiah yang berguna bagi pemimpin akademik dalam pencarian idea-idea baharu serta mengubah keperluan masyarakat kontemporari.

SICON5 ini dianjurkan bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Pusat Bagi Ekonomi Islam), Malaysia; Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT), Riyadh, Arab Saudi, Necmettin Erbakan University, Konya, Turki; Ebrahim College, London; Akademi Islam, Cambridge, UK; dan Universiti Fatoni, Thailand.

Melalui inisiatif penyelidikan dan rakan kongsi yang aktif dengan kerjasama antarabangsa, UBD telah meningkatkan kepakaran dalam pelbagai bidang inovasi dan keusahawanan seperti Pasaran Halal dan Penjenamaan dan Perbankan Islam, Kewangan dan Ekonomi.

## SICON5 bantu perkembangan positif pengajian Islam


MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin semasa berucap pada SICON5 yang berlangsung di Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, UBD, Bilik Teater 2, UBD.

Dari muka 1

Menurut Yang Berhormat, ini adalah amat selaras dengan ajaran Al-Quran ketika Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berdoa untuk meningkatkan pengetahuan mengenai kebijaksanaan semasa wahyu yang diberikan kepadanya dalam Surah 20 (Thaahaa), ayat 114.

Selain itu, Yang Berhormat juga menjelaskan, falsafah ada mengatakan, perubahan yang diperlukan dalam reka bentuk kurikulum dan pengajaran pengajian Islam adalah mengikut realiti semasa.

Akan tetapi, jelasnya, kedudukan *wasatiyyah* diperlukan yang mana terdapat beberapa perkara yang tidak akan berubah, kerana ada ajaran Islam yang tidak boleh diubah dan terdapat keperluan manusia yang tidak akan berubah.

Jadi jelasnya lagi, ia adalah satu persoalan bagaimana untuk mengimbangi antara dua ekstrem: Satu ekstrem adalah kepercayaan bahawa pengajian Islam tidak boleh berubah dan ekstrem yang lain adalah kecenderungan untuk pergi untuk perubahan yang berlebihan.

## Bersetuju memerangi ancaman rentas sempadan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 Mei. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura bersetuju agar perlunya mengukuhkan hubungan kerjasama yang erat bagi memerangi ancaman-ancaman rentas sempadan yang membabitkan jenayah keganasan *(terrorism)*, kegiatan radikal dan ekstremisme *(extremism)* dan jenayah-jenayah rentas sempadan yang lainnya.

Perkara ini dipersetujui semasa Timbalan Menteri (Keselamatan dan Media) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar menerima Kunjungan Muhibah daripada Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leo Yip, di JPM, di sini.


TIMBALAN Menteri (Keselamatan dan Media) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar (kanan) menerima Kunjungan Muhibah daripada Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leo Yip (kiri).

Semasa Kunjungan Muhibah tersebut, kedua-dua belah pihak turut melahirkan rasa puas hati terhadap hubungan kerjasama dua hala yang telah terjalin oleh kedua-dua buah negara dalam mengukuhkan lagi kerjasama di antara pegawai-pegawai kanan dari Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura khususnya dalam konteks kerjasama menangani isu-isu keselamatan dan penguatkuasaan yang bertitik tolak dari persefahaman melalui pemeteraian 'Letter of Intent' di antara JPM (Keselamatan dan Penguatkuasaan) Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura pada 10 September 2014.

Turut hadir semasa Kunjungan Muhibah tersebut ialah Setiausaha Tetap di JPM, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof; Timbalan Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam, serta ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan di JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Leo Yip berserta delegasi dari Republik Singapura berada di negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Dua Hala Tahunan Ke-2 antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura diadakan bermula 9 hingga 11 Mei 2016.

# Mutu bacaan Al-Quran meningkat

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa ditemu bual.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 8 Mei. - Pencapaian qari dan qariah negara pada Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-58 di Kuala Lumpur, Malaysia yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra menunjukkan satu peningkatan yang sangat menggalakkan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman ketika ditemui semasa mengalu-alukan kepulangan qari dan qariah negara yang telah mengharumkan nama negara apabila mendapat tempat kedua dan ketiga pada majlis tilawah berkenaan, menekankan apa yang penting sekarang ialah untuk terus berusaha meningkatkan mutu bacaan Al-Quran.

Yang Berhormat berpendapat, Majlis Qura yang pernah diperkenalkan satu ketika dahulu dilihat sebagai cara untuk meningkatkan mutu bacaan.

"Memang ramai kalangan pembaca-pembaca Al-Quran, qari-qari telah muncul dalam kalangan belia-belia terutama sekali melalui skim yang dibuat oleh Jabatan Pengajian Islam iaitu Skim Tilawah Al-Quran Remaja. Jadi mereka ini perlu terus ditingkatkan, dibimbing dan dari peningkatan itu kita akan melihat kemungkinan-kemungkinan," jelas Yang Berhormat.

Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki ketika ditemui menyatakan antara cabaran yang dilalui bagi membuat persediaan sebelum tilawah ialah untuk menjaga kesihatan dari segi pemakanan terutama sekali bagi penjagaan suara.

Selain itu juga katanya, usaha yang terus tanpa henti untuk mempertingkatkan dari segi bacaan dan amalan yang telah dilatih oleh jurulatih.

"Alhamdulillah, ini adalah merupakan kali pertama saya meraih tempat kedua pada peringkat antarabangsa," ujarnya.

Kepada belia di luar sana, beliau menyarankan jangan sekali-sekali berputus asa di dalam melakukan apa jua perkara terutama sekali di dalam pembacaan Al-Quran.

Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli turut memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala yang mana ini adalah kemenangannya kali kedua mendapat tempat ketiga yang mana sebelum ini pernah diraih pada tahun 2014.

Menurutnya, banyak cabaran yang telah dilalui terutama sekali dari segi bersaing dengan peserta-peserta yang lain yang mempunyai kelebihan masing-masing.

"Alhamdulillah di atas doa dan dorongan keluarga serta pengendali kursus intensif yang tidak pernah jemu untuk terus memberikan semangat," ujarnya.

Saranan yang diberikan oleh beliau untuk belia di luar sana ialah agar jangan pernah berhenti untuk mendalami ilmu Al-Quran khususnya taranum dan terus mendalami ilmu Al-Quran sampai bila-bila.



QARI Negara Brunei Darussalam, Awangku Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Marjuki.



QARIAH Negara Brunei Darussalam, Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli.

# SEACEN Intermediate Course for Bank Examiners, 8 - 13 Mei

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 Mei. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama South East Asian Central Banks Research and Training Centre (SEACEN) mengajurkan SEACEN Intermediate Course for Bank Examiners pada hari Ahad, 8 hingga 13 Mei 2016 di Hotel Rizqun Antarabangsa, Gadong.

Kursus ini akan memfokuskan pada peningkatan kecekapan teknikal dan tingkah laku para peserta kursus.

Ini termasuk memberikan tumpuan pada penganalisaan kredit, pengurusan risiko dan penilaian kestabilan bank secara keseluruhan serta prospek masa depan bank tersebut.

Dari segi peningkatan kecekapan tingkah laku, kursus ini akan memberi tumpuan pada keupayaan peserta untuk menghasilkan laporan kepada lembaga pengarah atau pihak pengurusan bank tersebut dan mendapatkan komitmen masing-masing bagi tindakan-tindakan pemulihan yang diperlukan.

Selain itu, objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan pada teknik-teknik pemeriksaan bank yang lebih terkini; untuk meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan penilaian peserta bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas mereka dengan lebih efektif; dan untuk meningkatkan pengetahuan serta kepakaran peserta bagi membolehkan mereka mengajar juga membimbing mereka yang kurang berpengalaman dalam hal tersebut.

Kursus tersebut dihadiri oleh 30 orang peserta dari bank-bank pusat serantau dan antarabangsa, termasuk pegawai-pegawai dari AMBD.

SEACEN ditubuhkan pada tahun 1982 dengan mempunyai lapan ahli bank pusat / autoriti monetari dan telah berkembang kepada 20 ahli pada tahun lepas.

Sejak penubuhannya, SEACEN telah melaksanakan program-program pembelajaran, kerja-kerja penyelidikan dan platform rangkaian serta kerjasama yang unik ke rantau ini untuk membina keupayaan ahli-ahlinya dalam pengetahuan perbankan pusat.

# Manfaatkan bahan bacaan secara maksima

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim



PEMANGKU Ketua Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Noreidah binti Haji Ibrahim ketika menyempurnakan pelancaran Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak bagi Sekolah Rendah Rataie, Mukim Bokok.

**TEMBURONG,** Sabtu, 7 Mei. - Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak diwujudkan antara lain untuk memberi kemudahan kepada penduduk luar bandar bagi mendapatkan bahan bacaan.

Perkhidmatan yang menyediakan bahan bacaan kepada perpustakaan sekolah itu kini dilaratkan lagi ke salah sebuah sekolah rendah di daerah ini, iaitu Sekolah Rendah Rataie, Mukim Bokok.

Pelancaran bagi perkhidmatan tersebut disempurnakan oleh Pemangku Ketua Perpustakaan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Noreidah binti Haji Ibrahim yang berlangsung di kawasan berhadapan Dewan Serbaguna Sekolah Rendah Rataie Mukim Bokok.

Dayang Hajah Noreidah dalam ucapannya pada majlis tersebut antara lain berharap agar pihak sekolah dapat memanfaatkan peluang yang diberikan serta menggalakkan murid-murid sekolah untuk menggunakan bahan bacaan semaksimanya memandangkan DBP kini menyediakan Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak ke seluruh negara dalam usaha membudaya kan membaca dan meningkatkan pembacaan di negara ini.

Sesebuah perpustakaan jelasnya, berperanan penting dalam memberikan bahan bacaan yang berkualiti sebagai menarik minat masyarakat ke perpustakaan sekali gus menggunakan bahan bacaan dan perkhidmatan yang ada.

"Jadi, budaya membaca bukan hanya setakat membaca, tetapi kesedaran semua masyarakat sama ada individu perseorangan atau keluarga juga penting dalam membudayakan sikap gemar kepada bahan-bahan bacaan dan menikmati aktiviti membaca sebagai satu keseronokan," ujarnya.

Untuk itu, Dayang Hajah Noreidah menyarankan agar perkhidmatan yang diberikan itu dimanfaatkan sebaik-baiknya bagi melahirkan masyarakat berilmu dan bermaklumat.

Majlis juga diserikan dengan persembahan koir 'Perpustakaan Kita' dan 'Mari Bercerita' oleh murid-murid Tahun 4 Sekolah Rendah Rataie Mukim Bokok.

Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak di daerah ini bermula pada tahun 1990 dan sehingga kini sebanyak 14 buah sekolah telah mendapatkan perkhidmatan berkenaan.

Selain untuk mendukung pendidikan tidak formal bagi semua golongan masyarakat terutama pelajar sekolah Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak juga bertujuan untuk membantu aktiviti kemasyarakatan dan pertubuhan masyarakat mengenai pendidikan, sivik dan kebudayaan.



PERSEMBAHAN koir 'Perpustakaan Kita' dan 'Mari Bercerita' memeriahkan Majlis Pelancaran Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak bagi Sekolah Rendah Rataie, Mukim Bokok.

# Pemenang Minda Pembaca!

Minda pembaca

## Terapkan nilai-nilai kepimpinan dalam kalangan belia

**GENERASI** belia merupakan sumber terbesar negara kerana mereka berpotensi menjadi penyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara. Oleh yang demikian, golongan belia ini hendaklah dipersiapkan dengan pelbagai keupayaan agar mereka ini memainkan peranan penting dalam masyarakat. Sehubungan itu, berbagai-bagai program hendaklah diungkayahkan untuk mewujudkan golongan belia yang memiliki kualiti kepimpinan yang baik.

Golongan belia ini hendaklah dilengkapkan dengan kemahiran, pengetahuan dan keusahawanan selaras dengan kehendak pembangunan negara. Di samping itu, belia juga hendaklah diterapkan nilai-nilai murni dalam pembentukan sikap yang positif dan kreatif agar mereka bersiap sedia menghadapi cabaran akan datang. Selain itu, apa yang penting golongan belia ini hendaklah diterapkan nilai-nilai keagamaan dan moral yang tinggi bagi melahirkan individu yang memiliki personaliti.

Penyertaan golongan belia dengan pelbagai persatuan-persatuan belia akan melahirkan pemimpin belia yang berkaliber dalam kalangan mereka. Oleh yang demikian, golongan belia ini hendaklah memainkan peranan dan tanggungjawab yang penting dalam sesebuah persatuan agar mereka boleh menerajui kepimpinan negara pada masa depan. Di samping itu, bagi mengukuhkan program pembangunan kepimpinan dan bina sahsiah diri para belia agar membina kekuatan diri, institusi kekeluargaan, keagamaan dan kemasyarakatan supaya generasi belia ini dapat berperanan dengan berkesan.

Secara keseluruhannya, golongan belia ini hendaklah bertanggungjawab untuk mendidik dan mempersiapkan diri mereka dengan pelbagai keupayaan yang ada agar mereka benar-benar menjadi belia yang mantap dalam segenap bidang. Selain itu, golongan belia juga hendaklah mengambil peluang yang sedia ada agar tidak menyesal di kemudian hari kerana menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian tidak berguna lagi.

**Nama : Dk. Siti Rokiah binti Pg. Haji Mohiddin**
**No. K/P : 01-074911 (K)**
**Alamat : No. 10, Simpang 82, Jalan 39, RPN Kampung Rimba Gadong, BE3319, Negara Brunei Darussalam.**

### Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Keluarga Berwawasan'.** Tarikh Tutup : **11 Mei 2016.**
2. **'Manfaat Menabung Untuk Masa Depan'.** Tarikh Tutup : **18 Mei 2016.**
3. **'Kepentingan Pengurusan Diri Dalam Kehidupan Seharian Manusia'. Tarikh Tutup : 25 Mei 2016.**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: **pelita.brunei@information.gov.bn**

# Jujur dalam mencari keredaan Allah

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

**BERBAGAI-BAGAI** ragam dan gelagat manusia yang kita dapat temui di dunia ini. Namun begitu, segalanya kita ambil iktibar. Yang baik jadi ikutan dan sebaliknya yang tidak baik kita ambil sempadan. Semuanya tergantung kepada diri kita sendiri. Hati dan jiwa mesti ikhlas dan jujur kerana kejujuran mencerminkan suatu tabiat yang memungkinkan diri kita dipercayai dan disanjungi. Dan kerana kejujuran inilah juga yang memungkinkan orang sekeliling kita tertarik untuk bersikap jujur.

Sifat jujur merangkumi kepada perbuatan, tingkah laku, perkataan dan sebagainya. Imam Ghazali menjelaskan, terdapat enam makna sifat jujur (as-Siddiq) itu :

1. Jujur pada perkataan
2. Jujur pada amalan
3. Jujur pada merealisasikan tuntutan agama
4. Jujur pada niat
5. Jujur pada keazaman, dan
6. Jujur dalam menunaikan keazaman.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah at-Taubah, ayat 119, tafsirnya :

*"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah, dan hendaklah kamu bersama orang-orang yang benar."*

Allah Subhanahu Wata'ala menyeru hamba-Nya untuk beriman kepada-Nya dan Rasul-Nya, agar mereka tetap dalam ketakwaan serta mengharapkan reda-Nya, dengan cara menunaikan segala kewajiban yang telah ditetapkan-Nya, dan menjauhi segala larangan yang telah ditentukan-Nya, dan hendaklah sentiasa bersama orang-orang yang benar dan jujur, mengikuti ketakwaan, kebenaran dan kejujuran mereka.

Untuk menjadi seorang yang jujur, hendaklah sentiasa membaca dan menghayati sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang sentiasa bersifat jujur dalam apa jua keadaan.

Diriwayatkan oleh Ibnu Abi al-Dunya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :

*"Berusahalah untuk sentiasa berlaku jujur walaupun kamu melihat ia akan membawa kesusahan kepadamu. Sesungguhnya pada sifat jujur itu ada keselamatan."*

Selain itu, haruslah diketahui akan ancaman atau balasan buruk kerana tidak bersikap jujur. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim, maksudnya :

*"Awasi dan jauhilah sifat dusta kerana dusta membawa kepada kejahatan. Sedangkan kejahatan itu membawa ke neraka. Seseorang hamba akan selalu berdusta dan melazimi pendustaan sehinggalah dicatat di sisi Allah Subhanahu Wata'ala bahawa dia seorang pendusta."*

Dalam kehidupan sehari-hari, berperilaku jujur sangatlah penting kerana kejujuran memiliki banyak manfaat di dunia dan di akhirat, antaranya :

1. Seseorang yang bersikap jujur akan selalu didampingi keberkatan dalam segala urusan kerana kejujuran adalah kunci kejayaan dan keberkatan hidup.

2. Dijamin masuk syurga. Allah Subhanahu Wata'ala menjamin hamba-Nya yang bersikap jujur akan masuk syurga sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al Maa-idah, ayat 119, tafsirnya :

*"Ini adalah hari (kiamat) yang (padanya) orang yang benar (pada tutur kata dan amal perbuatan) mendapat manfaat dari kebenaran mereka itu, bagi mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya."*

3. Mendapat kepercayaan daripada orang lain. Seandainya kita tidak jujur (berdusta) maka sangat sulit bagi kita untuk mengembalikan kepercayaan tersebut.

4. Memperoleh keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala atas dosa-dosa yang dilakukan sebagaimana firman-Nya dalam Surah al Ahzab, ayat 70 - 71, tafsirnya :

*"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan ucapkanlah perkataan yang benar. Nescaya Allah memperbaiki amalan-amalan kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya dia mendapat kemenangan yang besar."*

5. Selain jiwa merasa tenang, juga mempunyai ramai teman di samping beroleh pahala yang besar dan mendapat berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Terdapat banyak manfaat yang diperoleh apabila memiliki sikap jujur untuk kita mencapai keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Dari itu, amat penting bagi kita menerapkan perilaku jujur ini dalam kehidupan sehari-hari. Mulai dari hal-hal kecil seperti tidak berbohong kepada orang tua dan saudara dan kepada siapa saja. Jika kita sudah terbiasa bersikap jujur insyaaAllah kita akan merasakan manfaat dari perilaku jujur tersebut.

***"AWASI dan jauhilah sifat dusta kerana dusta membawa kepada kejahatan. Sedangkan kejahatan itu membawa ke neraka. Seseorang hamba akan selalu berdusta dan melazimi pendustaan sehinggalah dicatat di sisi Allah Subhanahu Wata'ala bahawa dia seorang pendusta."***

# Hadapi cabaran dengan perpaduan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Masri Osman

**BERAKAS,** Ahad, 8 Mei. - Persatuan Bulan Sabit Merah, Negara Brunei Darussalami meraikan Majlis Perhimpunan Agung Kebangsaan Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Sedunia bertempat di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir ialah Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah, Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Ismail bin Kassim dalam ucapan alu-aluannya berkata segala cabaran mestilah diterima dengan perpaduan dalam satu kumpulan yang berhemah dengan panduan serta limpah rahmat Allah yang mana ianya diterima kerana telah dimandatkan dengan pilihan yang diadakan secara undi kepercayaan di mana kepercayaan itu mesti berpegang kepada asas dan dasar yang tersedia, iaitu kejujuran, ikhlas dan tulus.

Beliau juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas bantuan kerajaan dalam pembayaran bantuan tetap sejak tahun 2014.

Persatuan ini jelasnya, pada tahun lepas telah diberikan pengiktirafan oleh Badan Induk melalui France Academy of First Aids bagi Akademi Latihan khususnya dalam pengendalian pertolongan cemas.

Selain itu, beliau berharap agar persatuan ini akan sebanding dengan persatuan-persatuan kebangsaan lain di rantau ini.

Terdahulu sebelum itu, tetamu kehormat berkesudian menyempurnakan Majlis Tauliah Kenaikan Pangkat Pegawai-Pegawai Kanan Ahli Lembaga Eksekutif Kebangsaan dan Tauliah Pangkat Pegawai Kadet Platun Sekolah diikuti dengan ikrar Bulan Sabit Merah, Negara Brunei Darussalam dan Majlis Penyampaian Sijil Lantikan dan Sijil Tauliah Pangkat Penghormatan kepada ahli lembaga penasihat.

Hari Palang Merah dan Bulan Sabit Merah sedunia diraikan pada setiap 8 Mei dan Negara Brunei Darussalam adalah merupakan ahli ke-170 dari 190 bagi Persatuan Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa.



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, semasa menyempurnakan majlis tauliah kenaikan pangkat pegawai-pegawai kanan Ahli Lembaga Eksekutif Kebangsaan Persatuan Bulan Sabit Merah, Negara Brunei Darussalam.**



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kanan) semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang Pegawai Kanan Bulan Sabit Merah, Negara Brunei Darussalam.**

# Tingkatkan pembangunan Koperasi PPB

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 8 Mei. - Penubuhan Koperasi Pusat Pembangunan Belia (PPB) Berhad dahulunya timbul dari satu gagasan idea yang berhasrat untuk memajukan dan menjaga kepentingan sosio-ekonomi para ahlinya yang terdiri dari warga PPB sama ada dari kalangan para pegawai, kakitangan sehinggalah pelatih dan lepasan-lepasan pelatih di PPB.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang juga selaku Penasihat Koperasi PPB Berhad, menjelaskan demikian semasa merasmikan Mesyuarat Agung Kali Ke-5 Koperasi PPB Berhad.

Walau bagaimanapun jelasnya, sejak Koperasi PPB Berhad mula ditubuhkan sehingga kini, lebih kurang 10 peratus atau seramai 198 orang sahaja yang telah mendaftar sebagai ahli dan pemegang saham dan jumlah tersebut adalah masih sedikit jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan warga PPB yang ada sejak ia ditubuhkan pada tahun 1996.

"Oleh itu, para Ahli Lembaga Pengarah adalah digesa untuk lebih mempertingkatkan dan memperbanyakkan usaha dalam mempromosikan Koperasi PPB Berhad kepada mereka yang belum mengetahui akan peranan dan kewujudannya agar dapat sama-sama menyertai dan menjadi ahli kepada Koperasi PPB Berhad di masa hadapan," ujarnya pada mesyuarat yang berlangsung di Dewan Binadiri, pusat berkenaan.

Beliau juga ingin menyeru kepada para pelatih dan lepasan pelatih PPB agar tidak melepaskan peluang yang ada demi sama-sama meraih kelebihan yang terdapat dalam berkoperasi.

Menurutnya, ahli lembaga pengarah yang telah dilantik dalam satu tempoh masa yang telah ditetapkan adalah perlu melaksanakan dan menjalankan tugas yang telah diamanahkan dengan baik dan jujur, oleh itu, pelaksanaan urus tadbir sesebuah organisasi adalah penting demi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan telus dan berkesan.

Jelasnya lagi, ciri utama dalam urus tadbir yang baik adalah untuk membangunkan satu mekanisme pemantauan yang berkesan bagi melindungi kepentingan pemegang saham dan pihak berkepentingan yang lain.

Dalam pada itu tambahnya, ahli-ahli pemegang saham juga perlu memainkan peranan yang penting dalam sama-sama memajukan koperasi ini dengan tidak hanya menyerahkan bulat-bulat tanggung-jawab untuk dilaksanakan oleh ahli lembaga pengarah yang dilantik sahaja atau hanya menanti saat-saat pembahagian dividen dilaksanakan.

Beliau berkata, akan tetapi setiap ahli juga perlu mempunyai sifat aktif dan proaktif dalam sama-sama menyumbang kepada pembangunan dan perjalanan koperasi ini.

"Koperasi PPB Berhad telah menjalankan berbagai jenis perniagaan yang merupakan kesinambungan dari kursus-kursus yang dijalankan di PPB. Jenis-jenis perniagaan yang dilaksanakan adalah merangkumi perkhidmatan penyediaan katering dan bakeri, pengangkutan dan perkhidmatan pembekalan pakaian. Apa yang membanggakan lagi, tenaga kerja di koperasi ini adalah seratus peratus terdiri dan diusahakan oleh anak-anak tempatan yang merupakan lepasan dari PPB," ujarnya lagi.

Sehingga kini tambahnya, seramai 19 orang belia lepasan PPB telah diambil bekerja di Koperasi PPB Berhad dan melalui pendedahan ini, sedikit sebanyak akan memberikan pendedahan dan melatih para lepasan pelatih berkenaan untuk bergiat dengan lebih aktif dalam bidang keusahawanan khususnya berkoperasi.

Menurutnya, peluang-peluang sedemikian adalah sangat bermakna dalam sama-sama kita membantu negara dalam mengurangkan kadar pencari kerja di negara ini.

Tambahnya lagi, ahli lembaga pengarah baru yang dilantik adalah disarankan supaya akan dapat meneruskan perjalanan dan kejayaan yang telah dilaksanakan oleh ahli lembaga pengarah sebelum ini dan dalam pada itu, ahli lembaga pengarah yang baru dilantik juga perlu memikirkan peluang-peluang lain yang berpotensi untuk diterokai demi kemajuan Koperasi PPB Berhad di masa hadapan.

Terdahulu beliau menyatakan, Koperasi PPB Berhad telah mula ditubuhkan pada tahun 2004 dan kini sudah berusia tiga belas tahun dan dalam lingkungan usia sedemikian, jika dibandingkan dengan usia seorang anak kecil, ia sudah melangkah ke peringkat awal usia remaja.

Walaupun usia ini dilihat masih muda, namun beliau percaya Koperasi PPB Berhad telah banyak melalui cabaran dan onak duri di sepanjang perjalanannya.

Beliau juga yakin dan percaya segala cabaran tersebut telah dapat ditempuhi dengan adanya semangat dan sifat tidak mudah mengalah, sikap ingin maju serta kepercayaan dalam diri setiap ahli-ahli lembaga pengarahnya yang telah diamanahkan untuk memajukan koperasi ini.

Mesyuarat kali ini membincangkan laporan ahli-ahli lembaga pengarah, laporan audit dan pemeriksaan kira-kira, mengesahkan pembahagian keuntungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 hingga Disember 2012, pembubaran ahli jawatankuasa sesi 2010 hingga 2012 dan lantikan ahli jawatankuasa sesi 2016 hingga 2017.

Ia juga diisikan dengan pameran produk-produk keluaran ahli-ahli pemegang saham yang pada masa ini sedang giat menjalankan perniagaan.



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (tengah) yang juga selaku Penasihat Koperasi PPB Berhad melawat pameran dan jualan yang dihasilkan oleh lepasan Pusat Pembangunan Belia sejurus merasmikan Mesyuarat Agung Kali Ke-5 Koperasi PPB Berhad.**



**AHLI-AHLI Koperasi PPB Berhad dan para penuntut Pusat Pembangunan Belia antara yang hadir pada Mesyuarat Agung Kali Ke-5 Koperasi PPB Berhad.**

# Jangan abaikan ibu bapa yang berumur lanjut

**Kedudukan Anak Yang Berbakti Kepada Orang Tua**

## Keluaran Ketiga

RASULULLAH *Sallallahu Alaihi Wasallam* ada bersabda dalam sebuah hadis mengenai seorang sahabat yang mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi Allah sehingga kisah sahabat itu telah dikhabarkan oleh Baginda *Sallallahu Alaihi Wasallam* kepada Sayyidina Umar al-Khattab *Radhiallahuanhu.* Orang yang dimaksudkan itu ialah Uwais bin Amir Al Qarni *Radhiallahuanhu.*

Kisah Uwais bin Amir Al Qarni *Radhiallahuanhu* boleh dijadikan iktibar dan pengajaran kerana baktinya kepada orang tuanya. Dia mempunyai kedudukan tinggi di sisi Allah Ta'ala dan merupakan salah seorang yang doanya mustajab sehingga Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* sendiri mengakuinya.

Kisahnya bermula dari pertemuannya dengan Umar bin Al Khattab. Ketika Umar bin Al Khattab didatangi oleh serombongan pasukan dari Yaman, dia pun bertanya kepada mereka : "Adakah di kalangan kamu yang bernama Uwais bin Amir?", sehinggalah Umar bertemu dengan Uwais, lalu Umar mendekati Uwais dan bertanya lagi : "Adakah engkau benar-benar Uwais bin Amir?" Uwais pun menjawab : "Ya." Umar bertanya lagi : "Benar engkau dari Murad dan Qaran?" Uwais menjawab : "Ya." 'Umar bertanya lagi : "Adakah engkau memiliki penyakit kulit, tetapi sudah sembuh kecuali hanya yang tinggal sebesar satu dirham?" Uwais menjawab : "Ya." Umar bertanya lagi : "Benar engkau mempunyai seorang ibu? "Uwais menjawab : "Ya."

Umar berkata : "Aku mendengar Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* bersabda : *"Nanti akan datang seseorang bernama Uwais bin Amir bersama serombongan kumpulan dari Yaman. Dia berasal dari Murad dan Qaran. Dia memiliki penyakit kulit kemudian sembuh darinya kecuali sebahagian kecil sebesar satu dirham. Dia ada seorang ibu dan dia sangat berbakti padanya. Seandainya dia berdoa kepada Allah, maka akan diperkenankan apa yang dipohonkannya. Jika engkau mampu agar dia mahu memintakan kepada Allah supaya engkau diampuni, mohonlah kepadanya supaya dia memohonkan keampunan kepada Allah bagimu."*

Umar pun bertanya pada Uwais : "Engkau hendak ke mana?" Uwais menjawab : "Kufah." Umar pun berkata : "Tidakkah engkau mahu aku menulis surat kepada penguasanya?" Uwais menjawab : "Aku lebih suka menjadi orang yang lemah (miskin)."

Tahun berikutnya, ada seseorang dari kalangan terhormat dari mereka pergi berhaji dan dia bertemu Umar. Umar pun bertanya tentang Uwais. Orang yang terhormat tersebut menjawab, "Aku tinggalkan Uwais dalam keadaan rumahnya miskin dan barang-barangnya sedikit." Umar pun berkata, aku mendengar Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* bersabda : *"Nanti akan datang seseorang bernama Uwais bin Amir bersama serombongan kumpulan dari Yaman. Dia berasal dari Murad kemudian dari Qaran. Dia memiliki penyakit kulit kemudian sembuh darinya kecuali sebahagian kecil sebesar satu dirham. Dia mempunyai seorang ibu dan sangat berbakti kepada ibunya. Seandainya dia berdoa pada Allah, maka akan diperkenankan apa yang dipintanya. Jika engkau mampu agar dia meminta kepada Allah supaya engkau diampuni, mintalah kepadanya."*

Orang yang terhormat itu pun mendatangi Uwais, dia pun meminta kepada Uwais, "Mintalah keampunan kepada Allah untukku." Uwais menjawab : "Bukankah engkau baru saja pulang dari *safar* yang baik (iaitu haji), mintalah keampunan kepada Allah untukku." Orang itu mengatakan kepada Uwais : "Bukankah engkau telah bertemu Umar." Uwais menjawab : "Ya." Uwais pun memintakan keampunan kepada Allah untuknya.

Orang lain pun tahu akan keistimewaan Uwais. Lantaran itu, dia mengasingkan diri menjauh dari manusia.

**Hukum Anak Yang Derhaka Kepada Kedua Ibu bapa**

Hukum derhaka kepada kedua ibu bapa termasuk di antara dosa besar sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amr *Radhiallahuanhu*, beliau berkata :

**Maksudnya** : *"Seorang berbangsa Arab datang kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lalu berkata : "Wahai Rasulullah apakah dia dosa besar?" Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Menyekutukan Allah." Dia (orang Arab itu) berkata lagi : "Kemudian apa?", Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Kemudian menderhaka kepada kedua ibu bapa ..."*

(Hadits riwayat Al-Bukhari).

Oleh itu, elakkanlah dari membuat kedua ibu bapa terguris hati, menangis kerana terluka. Sebab, salah satu di antara tanda-tanda di mana anak tergolong sebagai orang yang derhaka kepada ibu bapanya ialah membuatkan hati mereka terluka sehingga menyebabkan mereka menangis. Ini jelas sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar *Radhiallahuanhuma*, beliau berkata :

**Maksudnya :** *"Menyebabkan kedua ibu bapa menangis termasuk di antara perkara derhaka dan dosa-dosa besar."*

(Kitab Al-Adab Al-Mufrad).

Apa yang dimaksudkan dengan derhaka ialah apa sahaja perbuatan yang boleh menyinggung atau menyakiti hati kedua ibu bapa. Begitu juga dikira derhaka jika anak tidak menurut perintah mereka. Ini kerana taat perintah kedua ibu bapa hukumnya adalah wajib.

Sebagai kesimpulan, seorang anak perlu menyedari betapa seseorang ibu atau bapa itu memerlukan pertolongan atau bantuan anak-anak ketika mereka sudah berumur lanjut. Setiap anak-anak bertanggungjawab untuk sentiasa menghormati dan menjaga kebajikan kedua ibu bapa mereka yang sudah berumur lanjut dengan memberikan kasih sayang dan memastikan kesempurnaan hidup mereka terjamin. Janganlah sesekali mengabaikan dan mensia-siakan hidup mereka serta sentiasa mendoakan mereka agar mereka mendapat perlindungan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ingatlah bahawa keredaan Allah terletak pada keredaan ibu bapa sebagaimana




disebutkan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Amr *Radhiallahuanhu* bahawa Nabi *Sallallahu Alaihi Wasallam* bersabda :

**Maksudnya :** *"Keredaan Tuhan (kepada hamba-Nya) terletak pada keredaan bapa (begitu juga ibu bahkan lebih utama), manakala kemurkaan Tuhan (kepada hamba-Nya) adalah terletak pada kemurkaan bapa."*

(Hadits riwayat at-Tirmidzi).

Hadis di atas menjelaskan bahawa untuk mendapatkan keredaan Allah *Ta'ala,* seorang anak perlu mendapatkan keredaan kedua ibu bapanya. Ini kerana mentaati dan menghormati kedua ibu bapa merupakan perintah Allah *Ta'ala.*

Oleh itu, sesiapa yang mentaati kedua ibu bapa maka dia telah mentaati Allah *Ta'ala* dan siapa yang tidak mentaati kedua ibu bapanya maka sesungguhnya Allah *Ta'ala* akan murka kepadanya. Sesiapa yang derhaka kepada kedua ibu bapanya, hukumnya adalah berdosa besar.

# Peristiwa Israk Mikraj ingatkan umat tidak meninggalkan sembahyang



**Berita dan Foto :**
**Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**TUTONG,** Ahad, 8 Mei. - Peristiwa Israk Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajarkan kita agar mementingkan dan tidak meninggalkan sembahyang untuk memohon rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkara tersebut ditekankan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Dayang Siti Noraziah binti Haji Asli, selaku penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah semasa berlangsungnya Ceramah sempena Israk Mikraj 1437 Hijrah / 2016 Masihi di Masjid Kampung Sinaut, di sini.

**PENOLONG Pegawai Perkembangan Ugama, Dayang Siti Noraziah binti Haji Asli, selaku penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah menyampaikan ceramahnya.**

Tambahnya lagi, umat Islam wajib percaya dengan peristiwa Israk Mikraj, iaitu satu peristiwa yang sudah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala terhadap Rasul-Nya, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam untuk memberi rahmat kepada umatnya.

Peristiwa Israk Mikraj itu juga jelasnya, merupakan satu peristiwa yang agung serta perjalanan Israk Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidil Haram hingga ke Masjidil Aqsa serta peristiwa Mikraj Baginda ke langit juga telah dipermudahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, yang mana kedua-dua peristiwa itu berlaku dalam masa yang singkat.

Dayang Siti Noraziah dalam ceramahnya juga menyarankan mereka yang hadir mendengarkan ceramah itu bagi sama-sama memuhasabahkan diri dan membentuk diri masing-masing supaya sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar diberi hidayah, pertolongan, rahmat serta rezeki yang melimpah ruah.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dibacakan oleh Bilal Masjid tersebut, Awang Haji Mohd. Jafni Fadhlillah bin Haji Jabidi, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Muslimah, Dayang Hajah Shamsiah binti Haji Asmat.

Majis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada penceramah undangan dan bacaan Doa Selamat.

Turut hadir pada majlis yang penuh keberkatan tersebut ialah isteri Ketua Kampung Sinaut, Dayang Hajah Amidah binti Haji Ghafar, selaku Penasihat Muslimah Masjid Kampung Sinaut, diikuti dengan Ahli Muslimah Masjid Kampung Sinaut.

# Kehebatan Israk Mikraj dapat memperkukuh iman

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



TIMBALAN Menteri (Keselamatan dan Media) Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar (kanan) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Memperingati Israk dan Mikraj.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 7 Mei. - Peristiwa Israk Mikraj merupakan mukjizat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dalam sama-sama mengambil iktibar dan pedoman dari peristiwa tersebut, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya turut mengadakan Majlis Sambutan Memperingati Israk dan Mikraj di Dewan Banquet, JPM, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri (Keselamatan dan Media) di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar.

Turut hadir ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan di JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis disemarakkan lagi dengan satu Ceramah Khas bertajuk 'Pengajaran dari Peristiwa Israk dan Mikraj : Ketabahan Menatijahkan Kemuliaan' yang disampaikan oleh pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abd. Majid.

Awang Muhammad Yussof dalam ceramahnya antara lain menjelaskan, hampir setiap bulan kita perhatikan di dalam bulan-bulan Islam ada peristiwa-peristiwa yang luar biasa.



PEGAWAI dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abd. Majid semasa menyampaikan Ceramah Khas sempena memperingati peristiwa Israk dan Mikraj pada majlis tersebut.

Menurutnya, dalam bulan Muharam kita diingatkan dengan terjadinya Hijrah, di dalam Syawal adanya Aidilfitri, di dalam Zulhijjah adanya Aidiladha, di dalam Rabiulawal adanya peristiwa Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan dalam peristiwa-peristiwa ini banyak mengajarkan kita.

"Kerana kita manusia kita hidup dalam tiga dimensi waktu iaitu waktu yang sudah lalu, waktu sekarang dan waktu yang akan datang. Waktu lalu adalah waktu yang kenangan, waktu sekarang adalah realiti dan waktu akan datang adalah harapan dan cita-cita," ujarnya.

Beliau menjelaskan, orang yang pintar adalah orang yang pandai mengambil apa yang sudah terjadi pada waktu yang lalu untuk menentukan sikap yang terbaik pada hari ini dan akan dijadikannya perencanaan apa yang akan terjadi masa akan datang.

Tambahnya, dalam kehidupan kita, bukan semua berjalan sepertimana logika akal kitani contohnya peristiwa Israk dan Mikraj di mana ia peristiwa yang luar biasa.

Beliau berkata, Allah memperjalankan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa dibawa naik ke langit pertama hingga ketujuh dan kemudian berada di Sidratul Muntaha dan tatkala itu Allah Subhanahu Wata'ala memberikan perintah solat kemudian singgah ke syurga dan neraka dan kemudian balik Masjidil Haram di Mekah dalam satu malam.

Jelasnya lagi, itulah kehebatan Israk dan Mikraj yang dapat memperkukuhkan iman seseorang.

"Agama kita bukanlah agama yang didirikan atas dasar mistik. Islam ia bukan didirikan atas dasar keajaiban-keajaiban yang terjadi," ujarnya.

Beliau seterusnya berkata, peristiwa Israk dan Mikraj menjadi ujian kepada keimanan kita dan iman kita terbina atas dasar kepercayaan dan kesedaran kita.

Majlis Sambutan Sempena Memperingati Peristiwa Israk Mikraj bagi tahun ini dikendalikan bersama oleh Unit PENGGERAK dan Unit Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, JPM, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

## Mangsa kebakaran terima sumbangan YSHHB



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Haji Brahim bin Haji Ismail (kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang mangsa kebakaran.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 April. - Salah satu tujuan penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dalam bidang kebajikan ialah memberikan pemedulian dan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik seperti mereka yang terlibat dalam musibah kebakaran rumah dan lain-lain.

Bantuan tersebut dilaksanakan secara berterusan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, YSHHB memberikan sumbangan kewangan keseluruhannya berjumlah BND12,650 kepada empat buah keluarga yang terlibat dalam kejadian kebakaran rumah baru-baru ini di Kampung Keriam, Daerah Tutong dan Kampung Limau Manis, Daerah Brunei dan Muara.

Hadir menyampaikan sumbangan derma tersebut ialah Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Brahim bin Haji Ismail di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Kumbang Pasang, di sini.

YSHHB ialah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan keluarga baginda iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Keprihatinan YSHHB dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kebajikan khususnya dalam membantu mereka yang kurang bernasib baik dan sangat memerlukan adalah selaras dengan dasar penubuhannya.

# Program Forum Sinar bentuk personaliti pelajar

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**SERIA,** Isnin, 2 Mei. - Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) meneruskan lagi Program Forum Sinar bagi Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab dan Sekolah-Sekolah Swasta Seluruh Negara Tahun 2016 yang diadakan di Sekolah Menengah Chung Ching, di sini.

Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait turut diundang bagi membantu dalam pembentukan personaliti pelajar pada lebih positif dengan memiliki keperibadian mulia, beradab sopan, bijaksana dalam membuat keputusan dan tindakan serta pelajar dihasratkan mengamalkan gaya hidup sihat.

Forum yang diungkayahkan oleh Unit Kaunseling dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, JSS bertemakan 'Luruskah...Salahkah ni?' dihadiri oleh seramai 52 pelajar dan disasarkan bagi penuntut dari Tahun 7, Sekolah Menengah Chung Ching.

Dalam pada itu, Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris, selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait telah menyampaikan taklimat mengenai 'Menghayati Bendera Negara' dan 'Lagu Kebangsaan' yang antara lain untuk menghormati serta menjiwai bendera negara dan lagu kebangsaan.

Selain itu, taklimat juga mendukung Wawasan Brunei 2035 dalam menyemai nilai-nilai teras khususnya komited dan taat setia kepada raja serta negara.

Antara agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam forum itu antaranya dari Jabatan Perdana Menteri; Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan; Biro Kawalan Narkotik dan Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



ANTARA penuntut Sekolah Menengah Chung Ching yang hadir pada Program Forum Sinar tersebut.

# Pencapaian RKN10 (2012 - 2017) :

# Sektor Bangunan Awam & Sektor Keselamatan

**Pengenalan**

SEKTOR Bangunan Awam dan Sektor Keselamatan memainkan peranan yang penting dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memastikan kesejahteraan rakyat selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. Sektor Bangunan Awam merangkumi pembinaan bangunan-bangunan kerajaan, manakala Sektor Keselamatan melibatkan pembangunan dan penaiktarafan infrastruktur Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

**Oleh :**
**Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi**

**Sektor Bangunan Awam**

Dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 (RKN10), sejumlah BND520 juta telah diperuntukkan yang mana sebanyak BND385.7 juta telah dibelanjakan bagi membiayai projek-projek di bawah sektor ini. Projek-projek ini dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti, mengekalkan urus tadbir yang baik dan meningkatkan keberkesanan dalam Perkhidmatan Awam. Ini termasuk penyediaan persekitaran yang selesa, kondusif dan mesra pengguna.

Projek Balai Bomba Kampung Bukit Beruang adalah antara projek yang telah siap dalam RKN10 dengan harga sebanyak BND5.8 juta. Projek ini dibina di kawasan perumahan bagi membolehkan anggota bomba memberi bantuan kecemasan dengan lebih cepat, cekap dan tiba di lokasi kejadian dalam masa yang singkat. Selain dari Perumahan Bukit Beruang, kawasan tadahan lain termasuklah Mukim Telisai yang mana mempunyai lebih daripada 2,000 buah rumah.

Projek Pembinaan Bangunan Baharu Bahagian Pencegahan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di Sungai Lampai pula telah siap pada bulan Disember 2015. Bangunan yang dibina dengan harga BND1.4 juta ini adalah bagi mengganti bangunan Pejabat Kastam Sungai Lampai yang tidak lagi sesuai dan selamat untuk digunakan. Bangunan ini menempatkan pegawai-pegawai Unit Peroperasian dan juga Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang dalam melaksanakan fungsi pencegahan, pemantauan dan pengawalan sebarang aktiviti-aktiviti penyeludupan yang berlaku di perairan Brunei khususnya di kawasan sempadan negara.

Salah satu mercu tanda pengelingaan serta komitmen kerajaan kepada institusi kehakiman di Negara Brunei Darussalam ialah Projek Pembinaan Bangunan Mahkamah-Mahkamah yang terletak di Daerah Tutong. Projek ini siap dilaksanakan dengan harga BND15.4 juta dan dijangka akan berfungsi sepenuhnya pada bulan Oktober 2016. Bangunan kekal ini akan menempatkan kedua-dua mahkamah iaitu Mahkamah Sivil dan juga Mahkamah Syariah di bawah satu bumbung. Ia dibina bagi penempatan pegawai dan kakitangan dan mewujudkan suasana yang lebih kondusif dan selesa. Dengan adanya mahkamah-mahkamah ini, penduduk Daerah Tutong tidak perlu lagi turun ke Mahkamah Bandar Seri Begawan bagi sebarang urusan berkaitan dengan institusi tersebut.



BANGUNAN Mahkamah-Mahkamah Daerah Tutong yang menempatkan Mahkamah Sivil juga Mahkamah Syariah.

Dengan pelaksanaan projek-projek berkenaan ia diharap akan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan di sektor awam selaras dengan hasrat dan harapan negara agar ia mampu meningkatkan produktiviti dan efisiensi Perkhidmatan Awam ke arah menyumbang kepada pembangunan negara yang mampan.



BALAI Bomba Kampung Bukit Beruang.

**Sektor Keselamatan**

Pembinaan dan penaiktarafan bangunan-bangunan agensi keselamatan juga diambil perhatian oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi memperkukuhkan lagi keselamatan negara dan meningkatkan kecekapan agensi keselamatan khususnya bagi ABDB dan PDB. Dalam hubungan ini, sejumlah BND437.8 juta telah diperuntukan yang mana sebanyak BND269.1 juta telah pun dibelanjakan bagi membiayai projek-projek di bawah sektor ini.

Pembinaan Akademi Pertahanan dengan kawasan tapak seluas 150 ekar yang berharga BND95.6 juta adalah bertujuan bagi memantapkan lagi sumber manusia dari segi pertahanan negara. Antara kemudahan yang terdapat termasuklah surau, Mes Pegawai, Dewan Istiadat, Dewan Makan, Kolej Turus, Pusat Kepimpinan dan Pengurusan, Auditorium dan Perpustakaan, ibu pejabat, 'Parade Square', *grandstand* dan Mes Sekolah Pegawai Kadet.



AKADEMI Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kampung Tanah Jambu.

Bangunan tersebut telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB pada hari Khamis, 28 April 2016 dan dikenali sebagai Akademi Pertahanan ABDB.



BANGUNAN Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong.

Manakala Kompleks Bangunan Baharu Ibu Pejabat Polis Gadong pula telah siap dibina dengan harga BND20.1 juta. Bangunan yang telah siap pada bulan Ogos 2014 ini menempatkan jabatan-jabatan dan bahagian-bahagian yang sedia ada dan juga yang baru ditubuhkan di bawah Jabatan PDB. Sesuai dengan peredaran masa, penggunaan teknologi maklumat dan perisian yang terkini, Bangunan Ibu Pejabat Polis ini akan dapat meningkatkan fungsinya dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dengan lebih profesional dan penuh integriti bagi menjamin keselamatan dan keamanan negara.

Usaha-usaha kerajaan dalam melaksanakan projek-projek ini dihasratkan akan dapat meningkat dan memperkukuhkan lagi profesionalisme agensi-agensi keselamatan di negara ini dalam mengawal, mencegah dan menjaga sempadan serta keharmonian Negara Brunei Darussalam dari ancaman dan anasir luar.

**Penutup**

Pembangunan infrastruktur yang meluas dan baharu merupakan pelaburan Kerajaan Kebawah DYMM dalam membangun kapasiti sumber manusia, profesionalisme, serta pemberian khidmat yang lebih efektif lagi efisien kepada orang ramai di samping meningkatkan keyakinan dan kemampuan agensi berkenaan di peringkat kebangsaan juga antarabangsa.

Secara tidak langsung, pembiayaan projek-projek di bawah RKN ini adalah inisiatif kerajaan bagi menjamin keamanan dan meningkatkan kestabilan negara yang mana secara langsung akan menyumbang pada mencapai hasrat negara menuju Wawasan Brunei 2035 yang akan menempatkan negara di antara 10 negara teratas di dunia dalam usaha meningkatkan kualiti hidup rakyat.

# Majlis Perhimpunan Keluarga Mawaddah wadah perkongsian maklumat

Berita : Noraisah Muhammed

**SERIA**, Selasa, 3 Mei. - Bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2016, satu lagi acara kemuncak, iaitu Majlis Perhimpunan Keluarga Mawaddah yang berbentuk Forum Motivasi Pengukuhan Institusi Keluarga bagi Daerah Belait telah diadakan bertempat di Pusat Insani, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Majlis perhimpunan ini merupakan sebagai satu wadah untuk memberikan kesempatan kepada orang ramai untuk saling bertukar-tukar pandangan dan berkongsi maklumat untuk membina institusi keluarga bahagia, harmoni, kukuh dan berdaya tahan yang dapat menyumbang kepada perpaduan masyarakat di negara ini.

Terdahulu, bagi memberkati majlis, acara dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Pekan Seria, Awang Mohd. Zulhilmi bin Md. Jefri.

Acara diteruskan dengan tayangan video sempena Hari Keluarga Kebangsaan dan diikuti dengan sesi forum motivasi pengukuhan institusi keluarga yang mana dua orang ahli panel yang diundang khas untuk menjayakan forum motivasi ini ialah Dekan Hal Ehwal Pelajar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar dan Penolong Pengarah Sekolah-Sekolah, Awang Haji Ali Yusri bin Abdul Ghafor juga selaku Ketua Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Majlis juga dipengerusikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yusof bin Haji Abdul Majid @ Haji Ajak.

Peserta-peserta yang hadir terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan, Persatuan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGOs) serta orang awam.

Dalam majlis ini, orang ramai juga dialu-alukan untuk mengajukan pertanyaan kepada ahli panel undangan mengenai tajuk yang dibincangkan.

# ARDEX peluang terbaik uji keupayaan negara



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohd 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam semasa berucap dan merasmikan Mesyuarat Pertama Pasukan Perancang Latihan untuk Latihan Simulasi Tindak Balas Bencana ASEAN (ARDEX) 2016.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**BERAKAS**, Selasa, 3 Mei. - Negara Brunei Darussalam dan Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Bantuan Kemanusiaan Mengenai Pengurusan Bencana (Pusat AHA) menganjurkan dan mempengerusikan bersama Mesyuarat Pertama Pasukan Perancang Latihan untuk Latihan Simulasi Tindak Balas Bencana ASEAN (ARDEX) 2016, berlangsung di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Mohd. 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam berkata, ASEAN merupakan salah satu rantau di dunia yang paling terdedah dengan bencana.

"Bencana yang melanda rantau ini semakin berskala besar dan tindak balas juga menjadi lebih kompleks," jelasnya semasa berucap pada perasmian mesyuarat berkenaan, di sini.

Menurutnya, tindak balas bencana bukan lagi tanggungjawab satu atau dua pihak, tetapi merupakan tanggungjawab bersama termasuk dalam kalangan orang awam, tentera, organisasi antarabangsa dan organisasi bukan kerajaan.

Selain itu, konsep 'Satu ASEAN, Satu Tindak Balas' yang didukung oleh pihak kementerian ketika Negara Brunei Darussalam mempengerusikan Mesyuarat ASEAN Peringkat Kementerian mengenai Pengurusan Bencana Ke-2 pada tahun 2014, akan diuji cuba buat pertama kalinya di negara ini pada waktu latihan nanti.

Menurutnya lagi, ARDEX merupakan peluang yang baik bagi negara ini untuk menguji kapasiti dan keupayaan kita dalam bertindak balas dalam senario situasi terburuk.

Mesyuarat selama dua hari ini adalah mesyuarat perancangan bagi ARDEX yang akan dianjurkan di negara ini pada bulan Oktober nanti.

Secara umumnya, ARDEX merupakan latihan simulasi berskala besar melibatkan negara-negara ahli ASEAN lainnya dengan objektif untuk menguji cuba, mengamalkan, merebiu serta membuat penilaian terhadap mekanisme respons kecemasan dan pengurusan bencana ASEAN.

Selain itu, ARDEX juga memberi peluang pada sesebuah negara penganjur untuk menguji cuba mekanisme respons kecemasan dan pengurusan bencana di peringkat kebangsaan.

Mesyuarat antara lain membincangkan senario bencana termasuk mekanisme dan prosedur pengurusan bencana di peringkat kebangsaan serta serantau yang akan diuji cuba semasa ARDEX nanti.

Turut hadir oleh para delegasi luar negara terdiri dari negara-negara ahli ASEAN; United Nations Office for the Coordination of Humanitarian Affairs (UNOCHA), Global Initiative on Disaster Risk Management (GIDRM) dan Swiss Agency for Development and Cooperation.

Mesyuarat turut melibatkan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan; Kementerian Kesihatan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pasukan Polis Diraja Brunei; Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC); Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan-Jabatan Daerah.

# AEC pacu peningkatan saingan pasaran automatif




PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Pengiran Haji Md. Zain bin Pengiran Haji Abdul Razak (tiga, kiri) menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding ASEAN mengenai Piawaian dan Kualiti (ACCSQ) Kumpulan Kerja Produk Automatif (APWG) Ke-23.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 3 Mei. - Kesan pada penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) kepada sektor automatif adalah sangat besar kerana ia dapat memacu peningkatan persaingan, inovasi dan ekonomi dinamik dalam pasaran automatif di rantau ini.

"Walau bagaimanapun, dalam sektor lain, halangan bukan tarif tetap menjadi satu cabaran," jelas Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Pengiran Haji Md. Zain bin Pengiran Haji Abdul Razak pada Perasmian Mesyuarat Jawatankuasa Perunding ASEAN mengenai Piawaian dan Kualiti (ACCSQ) Kumpulan Kerja Produk Automatif (APWG) Ke-23 di Hotel Centrepoint, Gadong, di sini.

Justeru itu, beliau percaya kerja dan inisiatif APWG adalah relevan dan penting dalam mengalihkan halangan ke arah meningkatkan persaingan ASEAN dan memudahkan perdagangan dengan negara-negara lain di dunia.

Ini jelasnya, termasuk penyelesaian pengiktirafan bersama MRA mengenai jenis kelulusan bagi produk-produk automatif.

Menurutnya, objektif utama MRA adalah untuk memastikan setiap produk automatif dikawal selia oleh makmal ujian yang berdaftar dan diperiksa oleh badan pemeriksaan yang berdaftar dalam negara-negara ahli pengeksportan.

Menerusi kejayaan perlaksanaan MRA katanya, para pengeluar akan lebih mudah dan murah untuk mengeksport sistem dan komponen automatif untuk ahli-ahli ASEAN dan sekali gus akan turut menyumbang pada merealisasikan AEC.

ACCSQ APWG Ke-23 akan diadakan selama dua hari, dihadiri oleh pegawai-pegawai dari ASEAN dan pihak berkuasa serta agensi-agensi dari Jabatan Pengangkutan Daratjuga industri serta ahli-ahli ASEAN yang lainnya.

# PDB berhujung minggu bersama keluarga

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Haji Ariffin Haji Mohd. Noor**



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Bahrin bin Mohd. Noor (depan, dua dari kanan) bersama para anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) melakukan sesi pemanasan badan sebelum walkaton sempena Hari Keluarga PDB 2016 dimulakan.

**GADONG**, Ahad, 8 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) melalui Badan Kebajikan dan Sukan (BKS) telah menganjurkan Hari Keluarga PDB 2016 bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat PDB, di sini.

Hari Keluarga tersebut adalah bersempena Hari Keluarga Kebangsaan 2016 yang bertemakan 'Keluarga Berwawasan'.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Bahrin bin Mohd. Noor.

Acara dimulakan dengan sesi pemanasan badan selama 30 minit diikuti dengan walkaton sejauh 2.2 kilometer di sekitar ibu pejabat PDB.

Selain itu, juga terdapat *bouncer* untuk anak-anak keluarga polis.

BKS adalah merupakan badan kebajikan yang menyelenggarakan kebajikan anggota PDB yang mana antara tujuan utama acara seumpama ini diungkayahkan adalah agar para anggota dapat meluangkan masa bersama keluarga di hujung minggu setelah penat bekerja selain dapat mengeratkan lagi tali silaturahim dan kekeluargaan di antara mereka.

# Penerima pingat kehormatan menjunjung kasih



PENERIMA-penerima pingat, 643 Leftenan Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini (P.J.K); 683 Mejar Azlina binti Haji Muhammad (P.I.K.B); dan 744 Mejar Nurulain Rawiah binti Haji Mohd. Raub (P.I.K.B) masing-masing melahirkan rasa syukur di atas pengurniaan pingat berkenaan.

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 7 Mei. - Penganugerahan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam, iaitu Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K) dan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) merupakan satu penghargaan yang menjadi bukti kepada penerima atas jasa bakti mereka kepada raja, kerajaan dan tugasan yang telah diamanahkan.

Dengan penganugerahan pingat yang dikurniakan itu juga akan dapat menyuntik semangat untuk terus maju dan cemerlang dalam bidang pekerjaan masing-masing di dalam jabatan kerajaan mahupun sektor swasta.

Semasa temu bual oleh Pelita Brunei, para penerima yang dikurniakan pingat melahirkan rasa syukur dan sekali gus turut menyembahkan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan Pingat Kehormatan yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Penerima P.J.K, Awang Haji Rahime bin Haji Anuar yang sebelum ini menerima P.I.K.B (2002) dan Pingat Kerja Lama (2006) melahirkan rasa terima kasih atas sokongan yang diberikan oleh pihak jabatan kerajaan.

Ini jelasnya, satu penghargaan kepada beliau yang selama ini berkhidmat dengan pihak kerajaan dan sekali gus akan menamatkan perkhidmatannya pada tahun hadapan.

Awang Haji Rahime seterusnya menjelaskan, beliau mula berkhidmat dengan kerajaan pada tahun 1984 sebagai seorang pekerja bergaji hari.

Dalam pada itu, beliau menyarankan kepada para pegawai dan kakitangan kerajaan serta sektor swasta untuk terus berbakti pada negara.

Sementara itu, 643 Leftenan Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini (P.J.K); 683 Mejar Azlina binti Haji Muhammad (P.I.K.B) dan 744 Mejar Nurulain Rawiah binti Haji Mohd. Raub (P.I.K.B) masing-masing melahirkan rasa syukur di atas pengurniaan pingat berkenaan.

Menurut ketiga-tiga penerima, ini merupakan kali pertama mereka menerima pingat tersebut setelah masing-masing berkhidmat selama 13, 15 dan 16 tahun dalam jabatan kerajaan.

Sepanjang perkhidmatan, mereka menyatakan juga turut terlibat dalam acara-acara kebangsaan, perancangan dan pelaksanaan latihan dan eksesais serta multi-nasional dengan angkatan-angkatan negara sahabat dan serantau.

Justeru itu, mereka masing-masing berhasrat untuk terus memberikan sumbangan mengenai aspek ketenteraan kepada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, di samping menyumbang kepada inisiatif-inisiatif kerajaan yang mempromosikan kesejahteraan rakyat amnya dan khususnya perkembangan belia-belia negara.

# Empat pengusaha tempatan kongsi pengalaman

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**



EMPAT usahawan muda tempatan, iaitu Dayang Afifah Syahirah binti Abdullah Soefri, Architecture di Eco Bumi Arkitek; Lim Jun Hong sebagai Pengusahawan; Podiatrist Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Lim Kai Woon dan Projek Manager Private Engineering Firm, Awang Zainulariffin bin Abdul Rahman (sebelah kanan) berkongsi penglibatan mereka dalam bidang keusahawanan bersama para wartawan tempatan yang dianjurkan oleh Darussalam Enterprise (DARe).

**BERAKAS**, Jumaat, 6 Mei. - Perkara yang membawa kebaikan dan memberi manfaat bukan sahaja pada diri sendiri tetapi juga kepada orang lain adalah patut dicontohi.

Antaranya ialah membuka perniagaan. Seseorang yang melibatkan diri dalam keusahawanan atau perniagaan bukan saja memanfaatkan dirinya sendiri, tetapi juga pada orang lain kerana perniagaan membuka peluang pekerjaan kepada orang ramai.

Sehubungan itu, Darussalam Enterprise (DARe), sebuah badan berkanun yang menyokong perusahaan tempatan, telah menganjurkan sesi temu bual bersama empat orang usahawan anak-anak muda tempatan, iaitu Dayang Afifah Syahirah binti Abdullah Soefri, Architecture di Eco Bumi Arkitek; Lim Jun Hong sebagai Pengusahawan; Podiatrist Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Lim Kai Woon; dan Projek Manager Private Engineering Firm, Awang Zainulariffin bin Abdul Rahman.

Dalam sesi temu bual yang diadakan di iCentre, Kampung Anggerek Desa tersebut, keempat-empat usahawan yang berminat untuk berkecimpung dalam bidang keusahawan memulakan perbincangan secara terbuka dengan menyentuh mengenai pelbagai aspek ekosistem perniagaan tempatan, berkongsi isu-isu yang mereka hadapi dan cara DARe membantu mengatasi masalah tersebut.

Menurut Dayang Afifah Syahirah, salah satu daripada isu-isu utama yang dibangkitkan ialah keperluan bagi proses perniagaan yang telus dan lebih baik.

Selain itu, Lim Jun Hong turut berkongsi mengenai kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti perkhidmatan yang berdaya tahan menjadi aspek penting bagi usahawan tempatan mengembangkan permulaan perniagaan mereka.

"*Target* kami ingin membantu memajukan ekonomi Negara Brunei Darussalam dan menolong rakyat negara ini. Dari itu kami ingin memajukan projek yang begitu baik bukan hanya untuk mereka sendiri malah untuk orang lain juga," ujarnya.

Katanya lagi, projek yang dibincangkan dari tahun lepas ini adalah untuk mencari idea-idea bernas bagi mewujudkan perniagaan jangka panjang.

Menurut Dayang Afifah Syahirah, walaupun mereka baru lepasan ijazah dari United Kingdom, akan tetapi mereka telah berbincang untuk membuka perniagaan dalam membantu negara bagi mencapai Wawasan Negara 2035 dan berkeyakinan serta bersemangat untuk menjadi usahawan muda demi kepentingan negara.

Menurut Awang Zainulariffin pula, komunikasi dan komitmen dalam menetapkan satu visi dan mempunyai sifat bersemangat adalah antara yang perlu dipupuk dalam diri seseorang agar mereka dapat mencapai kejayaan sebagai seorang pengusaha.

Menyentuh mengenai segi kewangan pula, Lim Jun Hong berkata, mereka belum lagi terfikir untuk meminta bantuan kewangan malah mereka hanya akan mengeluarkan kewangan sendiri kerana mereka mempunyai kerjaya masing-masing yang akan dapat membantu mereka nanti.

Dayang Afifah Syahirah menambah, dari kertas kerja yang mereka lampirkan dulu dari segi kewangan, mereka tidak ada masalah kerana kesemua mereka mempunyai simpanan masing-masing yang mencukupi.

"Apa yang harus ada ialah mempunyai idea yang bagus dan berkongsi idea dalam mempelbagaikan ilmu," terang Awang Zainulariffin.

PSC Recruitment
recruitment.gov.bn

# IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

**UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn**

Syarat-Syarat Am:

A. Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
B. Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja (Bagi iklan menggunakan Peraturan 38 sahaja).
C. Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
D. Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara begilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
E. Cara permohonan - rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

## PERATURAN 7(a) BILANGAN IKLAN 26/5/16 (SPA/BIKL)

